



29 Julai 2016
29 July 2016
P.U. (A) 211

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN MAJLIS KESELAMATAN
NEGARA (PENGAMBILMILIKAN SEMENTARA (TANAH,
BANGUNAN ATAU HARTA ALIH), PERMINTAAN
PENGGUNAAN SUMBER DAN PEMUSNAHAN BANGUNAN
ATAU STRUKTUR) 2016

*NATIONAL SECURITY COUNCIL (TAKING TEMPORARY
POSSESSION (LAND, BUILDING OR MOVABLE PROPERTY),
DEMAND FOR USE OF RESOURCES AND DESTRUCTION OF
BUILDING OR STRUCTURE) REGULATIONS 2016*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MAJLIS KESELAMATAN NEGARA 2016

PERATURAN-PERATURAN MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (PENGAMBILMILIKAN SEMENTARA (TANAH, BANGUNAN ATAU HARTA ALIH), PERMINTAAN PENGGUNAAN SUMBER DAN PEMUSNAHAN BANGUNAN ATAU STRUKTUR) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 42(2)(c) dan 42(2)(d) Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 [*Akta 776*], Perdana Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Majlis Keselamatan Negara (Pengambilmilikan Sementara (Tanah, Bangunan atau Harta Alih), Permintaan Penggunaan Sumber dan Pemusnahan Bangunan atau Struktur) 2016**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2016

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“bangunan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 3 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*];

“tanah” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 5 Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*];

Pengambilmilikan sementara

3. (1) Bagi maksud pengambilmilikan sementara mana-mana tanah, bangunan atau harta alih dalam kawasan yang telah diisytiharkan sebagai suatu kawasan keselamatan, Pengarah Operasi atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pengarah Operasi hendaklah mengeluarkan notis dalam Borang 1 kepada pemunya atau penghuni tanah atau bangunan atau pemunya harta alih itu.

(2) Pengarah Operasi atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pengarah Operasi hendaklah menyampaikan Borang 1 kepada pemunya atau penghuni tanah atau bangunan atau pemunya harta alih itu mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut.

(3) Apabila Pengarah Operasi berpuas hati bahawa pengambilmilikan mana-mana tanah, bangunan atau harta alih tidak diperlukan lagi, Pengarah Operasi hendaklah membatalkan pengambilmilikan sementara mana-mana tanah, bangunan atau harta alih dengan mengeluarkan notis dalam Borang 2 kepada pemunya atau penghuni tanah atau bangunan atau pemunya harta alih itu.

(4) Pengarah Operasi atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pengarah Operasi hendaklah menyampaikan Borang 2 kepada pemunya atau penghuni tanah atau bangunan atau pemunya harta alih itu mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut.

Bantahan

4. Mana-mana orang yang terkilang dengan keputusan dalam subperaturan 3(1) boleh membantah dengan menggunakan Borang 3 kepada jawatankuasa penasihat dalam tempoh empat belas hari dari tarikh pengambilmilikan sementara.

Permintaan bagi penggunaan sumber

5. (1) Bagi maksud penggunaan sumber dalam kawasan yang telah diisytiharkan sebagai suatu kawasan keselamatan, Pengarah Operasi atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pengarah Operasi hendaklah mengeluarkan notis dalam Borang 4 kepada orang yang sumbernya diperlukan.

(2) Pengarah Operasi atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pengarah Operasi hendaklah menyampaikan Borang 4 kepada orang yang sumbernya diperlukan mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut.

(3) Apabila Pengarah Operasi berpuas hati bahawa tiada keperluan untuk meneruskan penggunaan sumber, Pengarah Operasi hendaklah mengeluarkan notis

penamatan penggunaan sumber dalam Borang 5 kepada orang di bawah subperaturan (1).

(4) Pengarah Operasi atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pengarah Operasi hendaklah menyampaikan Borang 5 kepada orang di bawah subperaturan (1) mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut.

Pemusnahan bangunan atau struktur

6. (1) Bagi maksud bangunan atau struktur yang dimusnahkan dalam kawasan yang telah diisytiharkan sebagai suatu kawasan keselamatan, Pengarah Operasi atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pengarah Operasi hendaklah mengeluarkan notis dalam Borang 6 kepada pemunya bangunan atau struktur yang dimusnahkan.

(2) Pengarah Operasi atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pengarah Operasi hendaklah menyampaikan Borang 6 kepada pemunya bangunan atau struktur yang dimusnahkan mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut.

Pampasan

7. Apa-apa pampasan yang ditaksirkan oleh Ketua Pengarah hendaklah dibayar kepada mana-mana orang yang terkilan di bawah peraturan 3, 5 dan 6 dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh notis pengambilmilikan sementara tanah, bangunan atau harta alih, permintaan bagi penggunaan sumber dan pemusnahan bangunan atau struktur.

JADUAL
[Peraturan 3,4, 5 dan 6]
BORANG

Peraturan	Tajuk borang	Borang
Subperaturan 3(1)	Notis Pengambilmilikan Sementara	1
Subperaturan 3(3)	Notis Pembatalan Pengambilmilikan Sementara Tanah/Bangunan/Harta Alih	2
Peraturan 4	Bantahan kepada Pengambilmilikan Sementara	3

Subperaturan 5(1)	Notis Permintaan Penggunaan Sumber	4
Subperaturan 5(3)	Notis Penamatan Penggunaan Sumber	5
Peraturan 6	Notis Pemusnahan Bangunan atau Struktur	6

Dibuat 26 Julai 2016
[MKN.(S)8.600-6/5; PN(PU2)737]

DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK
Perdana Menteri

NATIONAL SECURITY COUNCIL ACT 2016

NATIONAL SECURITY COUNCIL (TAKING TEMPORARY POSSESSION (LAND, BUILDING OR MOVABLE PROPERTY), DEMAND FOR USE OF RESOURCES AND DESTRUCTION OF BUILDING OR STRUCTURE) REGULATIONS 2016

IN exercise of the powers conferred by paragraphs 42(2)(c) and 42(2)(d) of the National Security Council Act 2016 [Act 776], the Prime Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **National Security Council (Taking Temporary Possession (Land, Building or Movable Property), Demand for Use of Resources and Destruction of Building or Structure) Regulations 2016**.

(2) These Regulations come into operation on 1 August 2016.

Interpretation

2. In these Regulations—

“building” has the meaning assigned to it in section 3 of the Street, Drainage and Building Act 1974 [Act 133];

“land” has the meaning assigned to it in section 5 of the National Land Code [Act 56/1965];

Taking of temporary possession

3. (1) For the purposes of taking temporary possession of any land, building or movable property in the area declared as a security area, the Director of Operations or any person authorized by the Director of Operations shall issue a notice in Form 1 to the owner or occupier of such land or building or owner of such movable property.

(2) The Director of Operations or any person authorized by the Director of Operations shall serve Form 1 to the owner or occupier of such land or building or owner of such movable property in any manner as he deems fit.

(3) When the Director of Operations is satisfied that the taking of temporary possession of land, building or movable property is no longer required, the Director of Operations shall revoke the temporary possession of any land, building or movable property by issuing a notice in Form 2 to the owner or occupier of such land or building or owner of such movable property.

(4) The Director of Operations or any person authorized by the Director of Operations shall serve Form 2 to the owner or occupier of such land or building or owner of such movable property in any manner as he deems fit.

Objection

4. Any person aggrieved by the decision in subregulation 3(1) may object using Form 3 to the advisory committee within fourteen days from the date of taking temporary possession.

Demand for use of resources

5. (1) For the purposes of use of resources in an area declared as a security area, the Director of Operations or any person authorized by the Director of Operations shall issue a notice in Form 4 to the person whose resources are required.

(2) The Director of Operations or any person authorized by the Director of Operations shall serve Form 4 to the person whose resources are required in any manner as he deems fit.

(3) When the Director of Operations is satisfied that there is no requirement to continue the use of resources, the Director of Operations shall issue a notice of cessation of use of resources in Form 5 to the person under subregulation (1).

(4) The Director of Operations or any person authorized by the Director of Operations shall serve Form 5 to the person under subregulation (1) in any manner as he deems fit.

Destruction of building or structure

6. (1) For the purposes of building or structure destroyed in an area declared as a security area, the Director of Operations or any person authorized by the Director of Operations shall issue a notice in Form 6 to the owner of the destroyed building or structure.

(2) The Director of Operations or any person authorized by the Director of Operations shall serve Form 6 to the owner of the destroyed building or structure in any manner as he deems fit.

Compensation

7. Any compensation assessed by the Director General shall be paid to any aggrieved person under regulations 3, 5 and 6 within twelve months from the date of notice of taking possession of land, building or movable property, demand of use of resources and destruction of building or structure.

SCHEDULE

[Regulations 3, 4, 5 and 6]

FORM

Regulation	Title of form	Form
Subregulation 3(1)	Notice of Taking Temporary Possession	1
Subregulation 3(3)	Notice of Revocation of Temporary Possession of Land/Building/Movable Property	2
Regulation 4	Objection to the Taking of Temporary Possession	3
Subregulation 5(1)	Notice of Demand of Use of Resources	4
Subregulation 5(3)	Notice of Cessation of Use of Resources	5
Regulation 6	Notice of Destruction of Building or Structure	6

Made 26 July 2016
[MKN.(S)8.600-6/5; PN(PU2)737]

DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK
Prime Minister